

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)46

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

46. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan potensi Pulau Pinang sebagai hab utama industri tuna serantau?
- (a) Terangkan bagaimana Kerajaan Negeri memastikan koperasi dan nelayan tempatan terlibat secara langsung dalam rangkaian nilai industri ini.
 - (b) Berapakah hasil pendaratan tuna sejak tahun 2018 dan apakah kekangan utama operasi tuna di Dermaga Dalam Butterworth?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

46. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menarik pelabur serta pengusaha yang berminat dalam industri penangkapan ikan tuna. Sehingga kini, terdapat 16 permit vesel tuna dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang.
- (a) Bagi memastikan pihak koperasi dan nelayan tempatan terlibat secara langsung dalam industri tuna ini, DOF Negeri Pulau Pinang melaksanakan program-program seperti yang berikut:

- (i) Pembangunan produk-produk berasaskan tuna;
 - (ii) Memperkenalkan usahawan hiliran dengan pengusaha vesel bagi bekalan tuna;
 - (iii) Meningkatkan infrastruktur di kawasan pendaratan tuna iaitu di Dermaga Dalam, Butterworth;
 - (iv) Memperkukuh rantaian bekalan (*supply chain*) dari pendaratan hingga pemprosesan; dan
 - (v) Mempromosikan pelaburan melalui misi perdagangan antarabangsa.
- (b) Hasil pendaratan tuna di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2024 adalah seperti jadual yang berikut:

Hasil Pendaratan Tuna Negeri Pulau Pinang

Tahun 2018 hingga 2024

Tahun	Jumlah Pendaratan (kilogram)	Nilai Anggaran (RM)
2018	1,919,092	30,705,472.00
2019	1,563,836	26,272,445.00
2020	1,943,844	33,045,348.00
2021	1,872,993	31,840,881.00
2022	757,020	12,808,778.00
2023	177,320	3,191,760.00
2024	431,000	7,758,000.00
Jumlah	8,665,105	145,622,684.00

Tiada masalah atau kekangan bagi operasi tuna di Dermaga Dalam, Butterworth. Kapasiti di Dermaga Dalam, Butterworth adalah lebih besar berbanding Kompleks Perikanan Batu Maung. Kawasan ini juga mempunyai kemudahan logistik yang baik kerana berdekatan dengan lebuh raya dan pelabuhan kontena. Selain itu, kedalaman air laut adalah mencukupi untuk kapal pukat tunda besar dan vesel asing berlabuh. Pihak DOF Malaysia juga mengiktiraf kawasan ini sebagai memenuhi spesifikasi jeti tuna oleh *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC).